

**SKIM PERKHIDMATAN
JURU X-RAY**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PERUBATAN DAN KESIHATAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA/PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
GREED JAWATAN/GAJI : **U29, U32, U36
U41/42, U44, U48, U52, U54**
TARIKH KUAT KUASA : **1 JULAI 2016**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

KELAYAKAN LANTIKAN KE GREED U29

- (c) diploma dalam bidang radiografi, pengimejan perubatan, radioterapi atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: RM1,797.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GREED U41

- (d) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pengimejan diagnostik dan radioterapi, pengimejan perubatan, radiografi, radioterapi atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: RM2,429.00).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U32

10. Juru X-Ray Gred U29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U32 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U36

11. Juru X-Ray Gred U32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U36 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U42

12. (a) Juru X-Ray Gred U29 atau Gred U32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U42 yang kosong apabila telah:
- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d);
 - (iii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (b) Juru X-Ray Gred U36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U42 yang kosong apabila telah:
- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U44**

13. Juru X-Ray Gred U41/42 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U44 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U48**

14. Juru X-Ray Gred U44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U48 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U52**

15. Juru X-Ray Gred U48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U52 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U54**

16. Juru X-Ray Gred U52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juru X-Ray Gred U54 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PENGAJAR GRED U41**

17. Juru X-Ray Gred U29, U32 atau U36 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pengajar Gred U41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Juru X-Ray yang berkuat kuasa pada 1.1.2006 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2005).